



" RAJA BERPERLEMBAGAAN "

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ
وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ كَمَا
أَسْتَخْلَفَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ... الخ
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ. قَالَ اللَّهُ
تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita meningkatkan kualiti iman dan taqwa kehadiran Allah SWT dengan terus menambah ketaatan dalam melaksanakan perintah-Nya, dan menjauhi segala larangan-Nya. Semoga kita termasuk dalam golongan umat-Nya yang mendapat kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Sempena meraikan Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, kita sebagai rakyat negeri ini, wajar menjunjung kasih atas keprihatinan Baginda selama ini dalam memartabatkan agama, memajukan negeri dan pemikiran rakyat. Semoga dengan kesihatan dan keprihatinan Baginda dalam meneruskan usaha-usaha yang baik ini mendapat ganjaran daripada Allah S.W.T.

Firman Allah S.W.T.:-

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ
فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً ۚ وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا
كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾

“Sesiapa yang beramal salih, daripada lelaki atau wanita, sedangkan dia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkannya dengan kehidupan yang baik, dan sesungguhnya Kami akan membalas mereka,



dengan memberikan pahala yang lebih baik, daripada apa yang mereka telah kerjakan”.

(Surah al-Nahl : ayat 97)

Muslimin yang berbahagia,

Sejak kebelakangan ini, terdapat sebilangan kecil rakyat mula mempersoalkan tentang kuasa dan peranan Raja-Raja Melayu. Kesan daripada sikap tersebut telah membangkitkan kegelisahan di kalangan rakyat di negeri ini.

Oleh itu kita perlu memahami bahawa sejak dahulu lagi masyarakat Islam di negara kita, telah menerima Sultan sebagai tonggak kepada kekuatan Islam. Hakikat ini adalah berhubungkait dengan fakta sejarah, yang menjelaskan bahawa penyebaran agama Islam di Nusantara adalah bermula dari istana di mana Pelaksanaan Undang-undang Syariah Islam telah dipraktikkan dalam pemerintahan.

Apabila Raja dan para pemimpin telah melaksanakan Syariat Islam, maka hubungan Raja dengan rakyat dan rakyat dengan rakyat semakin akrab, kerana Islam menganjurkan Konsep Persaudaraan Sesama Islam dan manusia mempunyai sama taraf kedudukan di sisi Allah S.W.T.

Firman Allah S.W.T.:-

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ
لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ



"Sesungguhnya orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat".

(Surah al Hujurat : ayat 10)

Sebenarnya, negara kita telah mengamalkan Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen sejak negara mencapai kemerdekaan.

Di bawah sistem ini, institusi Raja mempunyai kuasa dan peranan yang amat penting di dalam mempertahankan kedaulatan, kebebasan dan ketinggian agama Islam. Institusi Raja melindungi kedudukan dan hak istimewa orang-orang Melayu, agama Islam, Bahasa Melayu serta melindungi kaum-kaum lain yang taat setia kepada negeri ini.

Oleh itu, anggapan sesetengah pihak bahawa Raja adalah sekadar lambang istiadat dan upacara rasmi semata-mata, tanpa sebarang kuasa, adalah merupakan satu tafsiran yang salah serta perlu diperbetulkan. Sekiranya semua pihak memahami sejarah dan konsep Raja Berperlembagaan, nescaya semua pihak akan akur bahawa institusi Raja mesti dipertahankan.

Sidang Jumaat sekalian,

Raja Berperlembagaan memiliki tiga hak untuk memenuhi peranannya, iaitu hak untuk menyampaikan nasihat dan pandangan, hak



untuk memberi galakan dan dorongan serta hak untuk memberi peringatan dan teguran, selaras dengan sabda Rasulullah s.a.w.:-

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ فَإِنْ لَمْ
يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ وَذَلِكَ
أَضْعَفُ الْإِيمَانِ.

"Barangsiapa di antara kamu yang melihat sesuatu kemungkaran, maka hendaklah dia mengubah dengan tangannya (kekuasaannya), jikalau tidak berkuasa, hendaklah mencegah dengan lidahnya, jikalau tidak berkuasa juga hendaklah mencegah dengan hatinya (membenci kemungkaran itu) dan ini adalah selemah-lemah iman".

(Riwayat Muslim)

Islam meletakkan kedudukan seseorang Raja atau pemimpin itu, mulia dan dihormati. Mereka disyariatkan sebagai pengganti tugas kenabian atau khalifah, dalam memelihara agama dan mentadbir urusan dunia bagi seluruh umat Islam.

Menurut Al-Mawardi, di dalam kitabnya 'Al-Ahkamus Sultaniah' menyatakan bahawa antara tugas khalifah itu, adalah menjaga hal ehwal agama dan mentadbir hal ehwal dunia. Pemimpin juga boleh disebut sebagai



ketua khalifah Allah, untuk melaksanakan tugas dan amanah di muka bumi ini.

Antara amanah yang perlu dilaksanakan di atas muka bumi ini, adalah menyebarkan Syariat Islam dan berlaku adil kepada sesama manusia, sebagaimana pesanan Allah S.W.T. yang ditujukan kepada Nabi Daud a.s. ketika menjadi raja.

Firman Allah S.W.T.:-

يَدَاوُدُ إِنَّا جَعَلْنَاكَ خَلِيفَةً فِي الْأَرْضِ فَاحْكُم بَيْنَ
النَّاسِ بِالْحَقِّ وَلَا تَتَّبِعِ الْهَوَىٰ فَيُضِلَّكَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ إِنَّ
الَّذِينَ يَضِلُّونَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ بِمَا
نَسُوا يَوْمَ الْحِسَابِ ﴿٢٦﴾

“Wahai Daud, sesungguhnya kami telah jadikan kamu khalifah di bumi, maka jalankanlah hukuman di antara manusia dengan benar, dan janganlah kamu menurut nafsumu kerana ia akan menyesatkan kamu dari jalan Allah S.W.T. Sesungguhnya orang yang sesat dari jalan Allah S.W.T., akan beroleh azab yang berat pada hari hitungan amal, disebabkan mereka melupakan jalan Allah S.W.T. itu”.

(Surah Sad : ayat 26)



Hadirin yang dirahmati Allah,

Kedaulatan Institusi Raja semenjak dahulu lagi, berupaya memupuk perpaduan bersumberkan kebijaksanaan mereka. Raja menggabungkan tiga unsur utama iaitu:-

Pertama; Islam

Semenjak kedatangan Islam, kekuasaan mutlak Raja berubah kepada mentauhidkan Allah S.W.T. Baik dan buruk seseorang Raja itu disandarkan kepada keimanan terhadap Allah S.W.T. Islam mencorakkan pendekatan pemerintahan Raja Melayu, daripada berpaksikan individu kepada pemerintahan berpaksikan undang-undang serta menyempurnakan Tuntutan Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah.

Firman Allah S.W.T.:-

قَالَ
إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ

"Sesungguhnya agama yang diredhai Allah S.W.T. hanya Islam".

(Surah Ali 'Imran : ayat 19)

Kedua; Adat

Dalam istilah Istana Kesultanan Melayu, adat merujuk kepada undang-undang. Paradigma budaya bangsa disandarkan kepada adat, dan adat pula bersendikan hukum, manakala hukum bersendikan Al-Quran dan As-Sunnah. Raja melaksanakan



pemerintahan berlandaskan undang-undang yang menjadi teras keadilan. Undang-undang dikuatkuasakan secara adil dan saksama, serta telus tanpa pilih kasih.

Para fuqaha' menyatakan :-

الْعَادَةُ مُحْكَمَةٌ

"Adat kebiasaan yang baik, boleh dijadikan hukum".

Ketiga; Muafakat

Islam menganjurkan syura atau musyawarah. Amalan musyawarah dan permuafakatan di antara Raja bersama para pembesar negeri untuk mencari kata sepakat dalam menyempurnakan tanggungjawab memerintah negeri, Raja tidak bertindak sendirian. Raja mengamalkan budaya perbincangan untuk mendapatkan pandangan dan dengan fikiran terbuka akan menilai setiap berita. Dapatlah dirumuskan bahawa benih demokrasi telah tersemai di Istana Raja Melayu. Negeri Selangor mengamalkan elemen muafakat melalui institusi yang dikenali sebagai Dewan Diraja, berperanan sebagai badan perunding, dan memastikan keberkesanan pemerintahan negeri berjalan dengan baik.



Firman Allah SWT. :-

وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ
يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾

“Dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan permasalahan keduniaan) itu. Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakkallah kepada Allah S.W.T., sesungguhnya Allah S.W.T. mencintai orang yang bertawakkal kepada-Nya”.

(Surah Ali ‘Imran : ayat 159)

Muslimin yang berbahagia,

Sesungguhnya Raja atau Sultan sebagai Ketua Agama Islam telah memberi suatu yang amat istimewa di negara kita. Pemerintahan Baginda membantu berlakunya proses pengembangan intelek, memacu pemikiran rakyat agar dapat hidup dengan aman dan harmoni. Baginda bukan sahaja dapat disaksikan menerusi kemesraan bersama rakyat, bahkan sentiasa mengambil berat nasib mereka. Sebagai Ketua Agama Islam dan pelindung kepada Islam, institusi Raja bertanggungjawab memastikan kesucian Islam tidak tercemar dan identiti ummah kekal dilindungi.

Walau bagaimanapun, perpaduan amat penting bagi mewujudkan kestabilan sesebuah negara. Perpaduan tidak akan berjaya dipupuk dalam



suasana siasah yang tidak stabil. Perlu ada kematangan dalam menyampaikan teguran, perlu ada etika dalam menyuarakan kritikan.

Kita berkeyakinan penuh bahawa Raja-Raja kita akan terus memainkan peranan yang lebih penting dalam mempertahankan kedudukan dan hak ummah, memelihara agama Islam dan menangani masalah rakyat jelata. Raja dalam menyempurnakan peranannya, memahami denyut jantung, rintihan serta perasaan rakyat jelata di bawah naungan Baginda. Raja sebagai Ketua Agama dan Negeri, sama ada dari aspek keperibadiannya atau dalam menjalankan bidang kuasa untuk menjaga negeri dan kesucian agama, amatlah dikagumi oleh rakyat jelata dan mendapat ganjaran Allah S.W.T.

Hadis daripada 'Iyadh bin Himad (عِيَّاضُ بْنُ حِمَادٍ) Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud:-

“Penduduk syurga itu ada tiga golongan, iaitu Sultan atau Ketua Negara yang adil, lelaki yang berhati pengasih kepada kaum kerabat dan orang Islam, dan orang kaya yang bersih hidupnya (terpelihara daripada zina), lagi suka bersedekah”.

(Riwayat Ahmad)

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Bagi memperkukuh kedudukan Islam, semua pihak perlu meletakkan keutamaan agama Islam melebihi kepentingan yang lain. Demikian jua tanggungjawab rakyat memberikan taat setia yang tidak berbelah-bahagi kepada Raja, sebagai Ketua Agama dan Pemimpin Ummah.



Marilah kita bersatu-padu, berdiri teguh mendukung dan menjunjung institusi Raja Berperlembagaan. Elakkan diri daripada terlibat dengan sebarang tindakan yang boleh menggugat atau mencemar institusi Raja-Raja serta mempertikai perkara-perkara yang telah termaktub di dalam Perlembagaan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ
وَأُولَى الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهٗ إِلَى اللَّهِ
وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ
وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

“Wahai orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah S.W.T., Rasul dan kepada Ulil Amri di kalangan kamu. Kemudian jika kamu berselisih dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada Allah S.W.T. (ﷻ Al- Quran) dan Rasul-Nya (as Sunnah) jika kamu benar-benar beriman kepada Allah S.W.T. dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya”.

(Surah al-Nisa' : ayat 59)



بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيْمِ،
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ.

أَقُوْلُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا
مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ
عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ



أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ
وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى
أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ



سَلَاغُور، سُلْطَانُ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه
الحاج ابن المرحوم سُلْطَانُ صَالِحِ الدِّينِ عبد
العزیز شاه الحاج.

اللَّهُمَّ اَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاغُور، تَعَكَوْ اَمِيرِ
شَاهِ اِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه
الحاج فِي اَمْنٍ وَصَالِحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا
ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اللَّهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا
مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظُفِينِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur
kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat,



sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu Ya Allah, tetapkanlah iman kami, tingkatkanlah amal kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada ujian-Mu yang berat seperti kemarau panjang, banjir besar, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan lain-lain, supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Engkau bukannya hati umat Islam, khususnya di negeri Selangor untuk melaksanakan Ibadah Zakat sebagaimana yang telah Engkau fardhukan di dalam Al-Quran. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi faqir dan miskin, sucikanlah harta dan jiwa mereka agar mereka hidup dalam keredhaan-Mu. Kau lindungilah golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefaqiran yang berpanjangan.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.



عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ
ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

دمع/نور/احس **

15.11.2011